

Program Transformasi Ekonomi



ORANG ramai berebut untuk mendapatkan buku Program Transformasi Ekonomi yang dilancarkan Perdana Menteri, semalam.

Langkah berani yakinkan masyarakat perniagaan

ETP beri gambaran jelas hala tuju, matlamat ekonomi negara

Oteh Ahmad Farizal Hajat
bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Tokoh perindustrian tempatan menyifatkan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang mengandungi 131 projek permulaan (EPP) sebagai langkah berani kerajaan meningkatkan keyakinan masyarakat perniagaan dan merangsang iklim pelaburan dalam negara.

Presiden Persekutuan Pengilang Malaysia (FMM), Datuk Mustafa Mansur, berkata ETP juga memberi gambaran jelas, khususnya kepada pelabur asing mengenai hala tuju dan matlamat ekonomi negara.

"Sesetengah mereka (masyarakat perniagaan) ingin petunjuk hala tuju ekonomi khusus daripada kerajaan sebelum boleh membuat sebarang komitmen pelaburan di Malaysia.

"Dengan pengumuman terperinci dan jelas oleh kerajaan serta ditambah dengan laporan khusus hala tuju ETP, ia memberi manfaat kepada ahli perniagaan tempatan dan antarabangsa dalam merencanakan hala tuju perniagaan masing-masing di Malaysia.

"Ia bukan saja akan memanfaatkan dua pihak (ke-

Program Transformasi Ekonomi (ETP)

Apakah yang berbeza mengenai ETP?

- Berasaskan hala tuju RMKe-10 untuk membangunkan pendekatan jelas dan berbeza dalam penyampaian objektif kerajaan.
- Lima aspek khusus baru dan berbeza bagi menghasilkan pencapaian lebih baik.

Fokus pada Enjin Pertumbuhan Utama - 12 NKEA

- Menggunakan kelebihan daya saing Malaysia dengan mengutamakan pelaburan awam dan sokongan polisi ke atas enjin pertumbuhan terpilih.

- Menumpu kepada 12 NKEA yang diumumkan dalam RMKe-10.

Diterajui sektor swasta, dimudahkan oleh kerajaan

- Sektor swasta memainkan peranan utama dalam keputusan pelaburan dan pekerjaan.
- Projek dan peluang yang dikenal pasti diwujudkan bersama sektor awam dan swasta.
- Kebanyakan projek dibiayai swasta.

131 projek permulaan yang teguh untuk memulakan program

- Bertumpu pada tindakan dan bukan konsep dan mengandungi idea serta tindakan menyeluruh dan spesifik.

- Idea yang disaran dibangunkan menerusi kerjasama awam-swasta.

Berasaskan pada PNK bagi menghasilkan nilai terbaik

- Projek dan inisiatif dipilih berdasarkan analisis ekonomi dan kewangan teliti bagi memastikan pulangan pelaburan maksimum, terutama pelaburan sektor awam.

PEMANDU untuk memastikan penyampaian yang teguh dan telus

- Kerajaan menubuhkan unit ETP dalam PEMANDU untuk memudahkan pelaksanaan serta pemantauan program transformasi.

rajaan dan pelabur), malah turut memberikan kesan limpahan positif kepada setiap ahli FMM dan rakyat," katanya mengulas pelancaran laporan ETP oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Naib Razak, semalam.

Pelancaran laporan hala tuju ETP dalam tiga versi iaitu buku 605 muka surat, ringkasan eksekutif 55 muka surat dan klip video, bertujuan memastikan maklumat penting mengenai EPP, tempoh masa pelaksanaan, jum-

lah pelaburan dan peluang pekerjaan menerusinya, mudah difahami semua lapisan masyarakat.

Mustafa berkata, melihat kepada komitmen kerajaan mempermudah persekitaran perniagaan di Malaysia, FMM yakin usaha mempercepatkan peralihan ekonomi untuk mencapai status negara maju menjelang 2020 mudah dicapai pada waktunya.

Sementara itu, Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif Penerbangan Malaysia (MAS), Tengku Datuk Azmil Zahrudin, berkata pihaknya melihat ETP mampu menyediakan landasan terbaik untuk memberi manfaat kepada pertumbuhan industri pelancongan dan perkhidmatan di Malaysia.

Katanya, selain menyediakan hala tuju khusus mengenai rancangan kerajaan membangunkan sektor itu dalam tempoh 10 tahun, ETP dijangka turut memberi manfaat kepada peserta industri dalam meningkatkan lagi pendapatan masing-masing, sekali gus berupaya menyumbang kepada ekonomi negara.

"Industri pelancongan dan perkhidmatan adalah antara bidang ekonomi yang diberi tumpuan oleh kerajaan sebagai pemacu ekonomi negara," katanya.